



Shah Alam, KL banjir

Lebuhraya Pantai Baharu bersebelahan Pantai Dalam dinaiki air, semalam.
[FOTO BERNAMA]

» 200 keluarga pindah air naik paras paha

Oleh Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Norrasyidah Arshah

bhnews@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur:**

Hujan lebat lebih tiga jam petang semalam mengakibatkan beberapa kawasan sekitar ibu negara dan Shah Alam dinaiki air melebihi setengah meter, menyebabkan lebih 200 keluarga terpaksa dipindah.

Hujan yang bermula jam 3 petang juga menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di ibu kota dan tanah runtuh di Bukit Gasing di sini.

Di **Shah Alam**, lebih 200 keluarga di kawasan perumahan Taman Alam Indah, Seksyen 33 di sini dipindah malam tadi, selepas rumah di naiki air sehingga paras paha.

Penduduk paling teruk terjejas adalah yang tinggal berhampiran Sungai Klang.

Air naik mendadak

Pekerja HICOM, Wan Masri Wan Ismail, 39, berkata ribut yang diikuti hujan lebat hampir tiga jam sejak jam 7 malam menyebabkan air naik dengan cepat di kawasan perumahan di Kota Kemuning.

Sehingga jam 10 malam tadi, paras air terus meningkat meskipun hujan mulai reda.

“Penduduk terkejut dengan situasi ini kerana jarang berlaku banjir sebegini rupa. Memang sebelum ini, taman kami pernah dinaiki air tetapi

hanya paras lutut.

“Ada penduduk yang mempunyai anak kecil yang tinggal berhampiran sungai mencari kawasan tinggi memandangkan air sudah mencecah paras pinggang,” katanya yang bersama anak kecilnya terpaksa berhimpun di tepi jalan dekat kawasan berbukit apabila rumahnya dinaiki air.

Kawasan lain yang turut dinaiki air ialah pekarangan tempat letak kereta Stadium Shah Alam, Seksyen 13 dan Kampung Kebun Bunga.

Pantai Dalam terjejas


Di ibu kota, antara kawasan terjejas teruk ialah sekitar Pantai Dalam yang dinaiki air sedalam 0.6 meter, menyebabkan beberapa kenderaan terkandas, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pantai, Hamid Daud, berkata paras air di kawasan itu meningkat secara mendadak sehingga menenggelamkan sebahagian Lebuhraya Pantai Baru (NPE) berhampiran Kampung Pantai Dalam.

Sementara itu, sekurangnya 10 rumah ditenggelami banjir kilat di Kampung Sungai Penchala, Damansara, selain pokok tumbang dan tebing runtuh berikutan hujan lebat serta angin kencang.

Penduduk, Masri Idris, 37, berkata kejadian itu kali pertama membabitkan kerosakan harta benda di kampung berkenaan akibat banjir kilat.

Hujan lebat turut menyebabkan tanah runtuh di Jalan 5/60 Petaling Jaya sehingga menutup sebahagian laluan utama ke Bukit Gasing, namun tiada kemalangan jiwa atau kerosakan harta dilaporkan.



Tanah runtuh di Petaling Jaya.



Hazmah Wahid melihat keadaan **dapur rumahnya yang dilanda banjir kilat** di Kampung Sungai Penchala.



Taman Alam Indah Seksyen 23, Shah Alam dilanda banjir kilat, semalam.